

Headline **FMBIOSIS lahir usahawan**  
Date **07 Mar 2011**  
MediaTitle **Utusan Malaysia**  
Section **Supplement**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **197,952 / 833,287**

Language **Malay**  
Page No **4**  
Article Size **235 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **4,645**  
PRValue **13,934**



## FMBIOSIS lahir usahawan

SALAH satu program yang wajar dicontohi yang dicetuskan oleh Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) Datuk Dr. Abd. Latif Mohmod ialah FMBIOSIS atau Program Pembangunan BioUsahawan Siswazah FRIM- MTDC.

Program tersebut bertujuan melahirkan usahawan dalam bidang biologi hutan yang mana FRIM akan berfungsi sebagai penyedia teknologi .

Sebanyak 10 buah syarikat ditubuhkan bersama Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC) bagi mengkomersialkan hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D) FRIM.

FRIM merupakan perintis dalam mewujudkan kerjasama pintar dengan MTDC untuk menubuhkan syarikat yang dianggotai oleh siswazah. Program tersebut telah menjadi contoh kepada beberapa universiti di negara ini dalam menubuhkan program yang sama.



**JACKLIN Likan Bernabas Baie (kanan) bersama rakannya Yun Irma Faizul Effendi Yunal menunjukkan produk biskut mesra pesakit diabetes yang dihasilkan syarikat mereka.**

Salah satu produk yang berjaya dibangunkan ialah biskut mesra untuk pesakit diabetes yang dihasilkan oleh Diabetic Cure Sdn. Bhd.

Menurut pengurus syarikat berkenaan, Jacklin Likan ak Bernabes Baie, biskut tersebut memanfaatkan sejenis ekstrak herba yang beliau enggan dedahkan nama dan rumusannya yang tidak menggunakan

gula sebaliknya menggunakan stevia.

“Kami memulakan usaha pada 2009 dan saya anggap kejayaan kami menghasilkan produk ini adalah modul yang permata seumpamanya di dunia,” ujarnya.

Dengan geran RM1.48 juta dibiayai oleh MTDC, pihaknya setakat ini memfokuskan pengeluaran kepada satu produk sebelum beralih kepada produk minuman.